

16 DEC 1996

MAHATHIR LANCAR KEMPEN GALAK TABUNGAN

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Kempen Galakan Tabungan Kebangsaan untuk mendorong rakyat berjimat cermat dan memupuk tabiat suka menabung.

Kempen yang bertema "Menabung Menjamin Kesejahteraan" bertujuan meningkatkan tabungan negara yang kini berjumlah 38 peratus sedangkan pelaburan menjangkau 45 peratus, meninggalkan jurang tujuh peratus.

Kempen berterusan itu akan dijalankan menerusi media massa seperti radio dan tv dengan sokongan bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar dan syarikat insurans.

Yang turut hadir pada majlis itu yang berlangsung di Dewan Tun Hussein, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) ialah Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Tabungan, dan Gabenor Bank Negara Datuk Ahmad Mohamad Don.

-- BERNAMA

ZKS AHH